# Forum Ekuiti Persendirian Malaysia berlangsung 9 September ini

**KUALA LUMPUR** – Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Ekuiti Nasional Berhad (Ekuinas) akan menganjurkan Forum Ekuiti Persendirian Malaysia bertempat di Grand Hyatt Kuala Lumpur pada 9 hingga 10 September ini.

Bertemakan *Ekuiti Persendirian Sebagai Pemangkin Pertumbuhan di Malaysia* bermatlamat mempromosi Ekuiti Persendirian (PE) sebagai kelas aset pelaburan menarik dalam kalangan pelabur tempatan.

Ketua Pegawai Eksekutif KWSP, Datuk Shahril Ridza Ridzuan berkata, berikutan kejayaan persidangan *Ekuiti Persendirian Global KWSP 2013*, pihaknya berbesar hati untuk menganjurkan forum ini bersama Ekuinas.

"Matlamat forum ini menekankan kelebihan PE sebagai kelas aset pelaburan alternatif kepada institusi pelaburan Malaysai secara berperingkat.

"Kami berharap usaha ini akan meningkatkan aliran pelaburan domestik ke dalam ekuiti persendirian yang masih kecil dan membantu sektor pelaburan yang sedang pesat berkembang," katanya dalam kenyataan yang dikeluarkan di sini semalam.

Sementara itu, menurut Ketua Pegawai Eksekutif Ekuinas, Datuk Abdul Rahman Ahmad berkata, Malaysia memiliki ekonomi paling rancak dan stabil di Asia Tenggara.

Tegasnya, walaupun pasaran PE Malaysia masih baharu, forum ini akan memaparkan potensi besar PE di sini termasuk bagaimana PE mampu menjadi pemangkin dalam mentransformasi sesebuah syarikat selain menjana pertumbuhan.

Forum dua hari ini membabitkan panel yang merupakan tokoh-tokoh utama industri bagi membincangkan pelbagai topik antaranya *Malaysia Sebagai Destinasi Ekuiti Persendirian Antarabangsa, Menjana Pulangan Tinggi menerusi PE* dan *Asia Tenggara Mencipta Nilai bagi Syarikat-Syarikat ASEAN.*

Dalam masa yang sama, ia menghimpunkan golongan pelabur serta pengurus dana dan warga profesional dalam bidang PE dari seluruh rantau Asia Tenggara untuk manfaat bersama.